

Jawatan penasihat tidak bergaji

18/6/04

ms J

ym

LANGKAWI 17 Jun —
Bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Moha-
mad hari ini berkata ja-
watan beliau sebagai Pe-
nasihat Petronas, Proton,
Lembaga Pembangunan
Langkawi (Lada) dan
Lembaga Pembangunan
Tioman adalah jawatan ti-
dak bergaji.

Beliau berkata, apa
yang diperoleh ketika ini
adalah bayaran pencen se-
bagai Perdana Menteri, ja-
watan yang dipegangnya
selama lebih 22 tahun.

“Saya ingin menerang-
kan yang saya tidak dapat
satu sen pun dengan men-
jadi Penasihat Petronas,
Proton, Lada dan (Lemba-
ga Pembangunan) Tio-
man. Apa yang saya dapat
hanyalah pejabat seperti
yang disediakan oleh Pe-
tronas,” katanya pada
majlis perasmian Dialog
2010 di Langkawi Lagoon
Resort di sini. — Bernama